

**SULIT**

23/1  
Geografi  
Ogos  
2010  
1¼ Jam



**ANJURAN  
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN PERLIS**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR)  
TAHUN 2010**

---

---

**GEOGRAFI**

*Satu jam lima belas minit*

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**


1. *Kertas soalan ini mengandungi **60** soalan*
  2. *Jawab **semua** soalan*
  3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
  4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan anda. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan hitamkan pilihan anda yang baru.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi **28** halaman bercetak

[Lihat sebelah  
**SULIT**]


**SULIT**

Soalan 1 hingga soalan 6 berdasarkan peta topo di bawah.



**SULIT**

- 1 Sungai Dua mengalir ke arah
  - A utara
  - B selatan
  - C barat laut
  - D timur laut
  
- 2 Bearing sukuan Bt. Bentong ( RG 246424 ) dari Kg. Bekok ( RG 265431 ) ialah
  - A B  $21^{\circ}$  S
  - B S  $69^{\circ}$  B
  - C U  $21^{\circ}$  T
  - D U  $69^{\circ}$  B
  
- 3 Berapakah selang kontur dalam peta?
  - A 50 meter
  - B 100 meter
  - C 200 meter
  - D 275 meter



- 4 Pola petempatan yang terdapat dalam rujukan grid di atas ialah
  - A berjajar
  - B berpusat
  - C berselerak
  - D berkelompok

**SULIT**

- 5 Tumbuhan semula jadi yang terdapat di utara peta membekalkan bahan untuk
- I atap
  - II perabut
  - III cerucuk
  - IV arang kayu
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 6 Apakah jenis cerun yang bertanda MN?
- A Cerun bertangga
  - B Cerun sekata
  - C Cerun curam
  - D Cerun landai
- 7 Pernyataan di bawah merupakan ciri-ciri sungai.


- Aliran deras
  - Sungai yang pendek

Kepentingan sungai dalam pernyataan di atas sesuai untuk

- A pembentukan tasik ladam
- B penjanaan hidroelektrik
- C sumber pengairan
- D pengangkutan


**SULIT**

- 8 Berdasarkan peta di bawah, Banjaran Gunung Lipat Muda terletak di kawasan



MALAYSIA

- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 9 Rajah di bawah menunjukkan profil panjang sungai.




Bentuk muka bumi di atas terdapat di bahagian .....

- A hulu sungai  
 B tengah sungai  
 C tebing sungal  
 D hilir sungai

**SULIT**

- 10 Kawasan bertanda manakah dalam peta Malaysia berkaitan dengan pernyataan di bawah ?

- Mangkuk hijau Malaysia
- Tanaman teh dan bunga-bunga



MALAYSIA

- 11 Apakah bentuk muka bumi yang mempunyai ciri berikut?

- Tempat peranginan
- Kawasan tadahan air


- A pinggir laut  
 B tanah tinggi  
 C tanah pamah  
 D lembangan sungai

**SULIT**

12 Negara manakah bebas dari Lingkaran Api Pasifik?

- A Filipina
- B Malaysia
- C Indonesia
- D Myanmar


13 Rajah di bawah menunjukkan kaedah penanaman di Pulau Jawa. Kaedah penanaman tersebut digunakan kerana



- A banyak gunung berapi
- B tanah tinggi yang subur
- C gempa bumi yang kerap
- D kekurangan tanah pamah

**SULIT**

- 14 Antara berikut manakah langkah-langkah untuk mengatasi halangan di cerun?
- I Penarahan bukit
  - II Pembinaan tembok
  - III Pembinaan empangan
  - IV Pembinaan terowong
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 15 Rajah di bawah menunjukkan kesan aktiviti yang telah dijalankan .



Apakah kesan aktiviti tersebut?

- A pencemaran udara
- B kepupusan nutrien tanah
- C hujan semakin bertambah
- D kepupusan flora dan fauna

**SULIT**

16 Maklumat berikut menerangkan fungsi sebatang sungai.

- Sempadan semulajadi
- Sumber pengairan

Apakah nama sungai tersebut?

- A Sungai Muda
- B Sungai Bernam
- C Sungai Segama
- D Sungai Kelantan

17 Negeri yang mempunyai keluasan hutan paya air tawar yang paling luas ialah

- A. Kedah
- B. Pahang
- C. Kelantan
- D. Melaka


18 Antara berikut, sungai manakah yang dapat dikaitkan dengan pemyataan di bawah ?

- Panjang sungai 563 km
- Sungai terpanjang di Malaysia
- Sumber pengairan

- A Sungai Perak
- B Sungai Rajang
- C Sungai Pahang
- D Sungai Kinabatangan

**SULIT**

19 Rajah di bawah menunjukkan peredaran bumi.



Kedudukan Bumi	Huraian
I	Musim panas di hemisfera utara
II	Siang lebih panjang daripada malam di hemisfera selatan
III	Musim sejuk di hemisfera selatan
IV	Siang dan malam sama panjang di hemisfera selatan

Kombinasi yang manakah benar?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**SULIT**

20 Pernyataan di bawah berkaitan dengan


- Banjaran Keledang
- Banjaran Kedah-Singgora
- Banjaran Titiwangsa

- A Sistem Gunung Lipat Tua  
 B Sistem Gunung Lipat Muda  
 C Sistem Gunung Api Pasifik  
 D Sistem Gunung Borneo


21 Mengapakah negara Malaysia bebas daripada ancaman kemarau yang berpanjangan?

- A Ketinggian dari aras laut  
 B Faktor kepulauan dan kelautan  
 C Kedudukan di kawasan khatulistiwa  
 D Pengaruh bayu darat dan bayu laut


22 Apakah kesan yang berlaku seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah?



- A Kejadian siang dan malam  
 B Kejadian empat musim  
 C Pasang surut air sungai  
 D Kejadian angin siklon

**SULIT**

- 23 Gambar di atas merupakan binatang yang hidup di suatu kawasan. Binatang tersebut dikaitkan dengan
- A puak Yakut
  - B puak Evenks
  - C orang Eskimo
  - D penduduk Chimana



- 24 Maklumat di atas menggambarkan aktiviti utama nelayan semasa musim tengkujuh. Nelayan berkenaan tinggal di kawasan
- A Papar
  - B Sarikei
  - C Tumpat
  - D Pulau Pangkor


**SULIT**

Jadual di bawah menunjukkan julat suhu harian di dua lokasi.

Tempat	Julat suhu harian
Malaysia	7° C
Gurun Thar	35° C

- 25 Apakah faktor yang menyebabkan perbezaan julat suhu harian tempat di atas?
- A Tiupan angin  
 B Tekanan udara  
 C Jarak dari laut  
 D Litupan awan
- 26 Hidupan berikut terdapat di lapisan kanopi. Lapisan manakah yang menjadi habitat haiwan ini?

Burung  
Kelawar  
Enggang



**SULIT**

27 Apakah faktor yang mempengaruhi tumbuhan semula jadi berikut?

Bakau Nipah Nibong
--------------------------

- I Suhu
- II Ketinggian
- III Tanah
- IV Bentuk Muka Bumi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Tanah gambut menggalakkan pertumbuhan hutan...

- A hutan pantai
- B hutan gunung
- C hutan paya masin
- D hutan paya air tawar

**SULIT**

29 Tumbuhan semula jadi di atas terdapat di kawasan peta yang bertanda



DUNIA

30 Jenis tumbuhan manakah yang berikut mengandungi fitokimia yang boleh dimanfaatkan untuk perubatan?


- A. Hutan paya
- B. Hutan pantai
- C. Hutan gunung
- D. Hutan hujan tropika

**SULIT**

31 Antara yang berikut kombinasi manakah benar?

	Bentuk muka bumi	Jenis Tumbuhan
I	Tanah pamah	Hutan hujan tropika
II	Tanah tinggi	Hutan pergunungan
III	Tanah beralun	Hutan paya air tawar
IV	Tanah berpaya	Hutan paya air masin

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV



32 Berdasarkan maklumat di atas, apakah kepentingan X?

- A. Kawasan tadahan
- B. Sumber Perhutanan
- C. Perlancongan ekologi
- D. Tempat perlindungan hidupan liar

**SULIT**

33 Apakah kesan daripada kejadian ini?

Jeli, Seorang penoreh getah mati di baham harimau ketika menoreh getah di kebun

- A Penghutanan semula
- B Pembinaan petempatan
- C Pemburuan binatang liar
- D Penerokaan hutan untuk kawasan pertanian


34 Dataran Kedah-Perlis mempunyai penduduk yang padat. Manakah kawasan lain yang mempunyai ciri yang sama dengan kawasan tersebut?

- A Lembah Kinta
- B Lembah Klang
- C Dataran Kelantan
- D Pantai Barat Johor

35 Antara lokasi berikut, manakah yang menepati maklumat di bawah?

- Penduduk padat
- Aktiviti perindustrian dan perdagangan

- A Dataran Kedah
- B Lembah Klang
- C Delta Kelantan
- D Dataran Sungai Rajang

**SULIT**

36. Pernyataan di atas berkaitan dengan
- penduduk statik
  - kurang penduduk
  - penduduk optimum
  - penduduk berlebihan
37. Berdasarkan pernyataan di bawah, di manakah letaknya kawasan hutan simpan berikut?


Hutan simpan yang diwujudkan oleh Jabatan Hutan dan dijadikan tempat rekreasi

- Sungai Congkak, Selangor
  - Taman Negara, Pahang
  - Gua Musang, Kelantan
  - Tanjung Piai, Johor.
38. Pilih kombinasi yang benar

	Ciri kependudukan	Penduduk berlebihan	Kurang penduduk
A.	Taraf teknologi	Tinggi	Rendah
B.	Jangka hayat	Panjang	Pendek
C.	Kadar kenal huruf	Tinggi	Rendah
D.	Kepadatan penduduk	Tinggi	Rendah

**SULIT**

- 39 Apakah kesan migrasi kepada kawasan berlorek dalam peta di bawah?



Peta : MALAYSIA


- A Bekalan tenaga buruh meningkat
  - B Kadar upah buruh menurun
  - C Peluang pekerjaan bertambah
  - D Hasil pertanian bertambah
- 40 Pemyataan yang manakah dapat dikaitkan dengan maklumat berikut?

Wanita berpendidikan tinggi  
Amalan perancang keluarga

- A Taraf hidup menurun
- B Kadar kelahiran menurun
- C Peluang pekerjaan berkurangan
- D Migrasi penduduk berkurangan


**SULIT**

- 41 Apakah ciri penduduk negara X dalam peta dunia di bawah?



Peta : DUNIA


- I kadar buta huruf tinggi
  - II taraf kesihatan tinggi
  - III ramai penduduk tinggal di bandar
  - IV ramai penduduk terlibat dalam sektor pertanian
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV
- 42 Antara berikut, negara manakah mempunyai penduduk optimum?
- I Malaysia
  - II Amerika Syarikat
  - III Sweden
  - IV Jepun
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

**SULIT**

43 Berdasarkan maklumat di atas, Q ialah

- A pasir
- B angin
- C fosfat
- D emas

44 Kawasan berlorek dalam peta di bawah menunjukkan lokasi sumber mineral di Malaysia.



MALAYSIA

Mineral tersebut digunakan dalam industri membuat

- A aluminium
- B puitir
- C kaca
- D cat

**SULIT**

45 Kombinasi yang manakah benar tentang jenis dan kawasan industri?

	Jenis Industri	Kawasan Industri
A	Elektronik	Bayan Lepas, Pulau Pinang
B	Perabot	Gurun, Kedah
C	Baja urea	Lahad Datu, Sabah
D	Simen	Bintulu, Sarawak

46 Sumber tenaga utama di Malaysia ialah

- A arang batu
- B petroleum
- C suria
- D gas

47 Pilih padanan yang betul.

	Pelabuhan	Eksport utama
A	Pasir Gudang	Petroleum
B	Pulau Pinang	Minyak sawit
C	Sandakan	Kayu balak
D	Klang	Getah

**SULIT**

- 48 Bahan – bahan berikut boleh menghasilkan kuasa elektrik.
- I arang batu
  - II petroleum
  - III kuprum
  - IV gas asli
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 49 Berikut ialah bahan hasil industri petrokimia.
- I plastik
  - II gam kayu
  - III ubat nyamuk
  - IV minyak wangi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 50 Apakah kesan-kesan yang akan berlaku akibat penerokaan sumber?
- A Tsunami
  - B Banjir kilat
  - C Perubahan iklim
  - D Kepupusan flora dan fauna

**SULIT**

51 Kawasan berikut berkaitan dengan industri



- A bahan makanan
- B kenderaan
- C minuman
- D tekstil


52 Di manakah lokasi negara yang menggunakan tenaga geoterma dalam peta di bawah?



DUNIA

**SULIT**

- 53 Berdasarkan peta di bawah, kawasan perlombongan manakah membekalkan sumber mineral bagi menghasilkan tin?




- 54 Apakah tujuan organisasi berikut ditubuhkan?

- CAP
- WWF

- A Menggubal undang-undang alam sekitar  
 B Menjalankan kempen kesedaran alam sekitar  
 C Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar  
 D Menjalankan penyelidikan teknologi mesra alam


**SULIT**

55 Apakah fungsi alat di bawah?



- A Proses rawatan air
- B Proses kitar semula
- C Kempen alam sekitar
- D Menyampaikan maklumat

56 Maklumat berikut menyumbang kepada kegiatan ekonomi .



- A. pertanian
- B. perikanan
- C. pembuatan
- D. perlombongan

**SULIT**

- 57 Antara berikut manakah faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di kawasan berlorek dalam peta di bawah?



Semenanjung Malaysia

- I Dasar kerajaan  
 II Tanah yang subur  
 III Teknologi tinggi  
 IV Bekalan bahan mentah
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 58 Fenomena ini sering berlaku di kawasan bandar yang mempunyai bangunan konkrit dan berkaca. Kejadian ini merujuk kepada
- A hujan asid  
 B pulau haba  
 C kesan rumah hijau  
 D penipisan lapisan ozon

**SULIT**

- 59 Kerjasama Kumpulan Negara ialah
- A kerjasama antara dua buah negara
  - B kerjasama melibatkan kebanyakan negara
  - C kerjasama melibatkan sebahagian daripada negara dunia
  - D kerjasama melibatkan negara yang sama aras pembangunan
- 60 Malaysia menganggotai pertubuhan berikut bagi tujuan

**OIC**

- A kerjasama ekonomi antarabangsa
- B kerjasama perdagangan dua hala
- C kerjasama segi tiga pertumbuhan
- D kerjasama menaikkan taraf hidup

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA

## PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2010

## ANJURAN

## PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA

## SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI PERLIS

## GEOGRAFI

## SKEMA JAWAPAN

NO SOALAN	JAWAPAN	NO SOALAN	JAWAPAN
1	C	31	A
2	B	32	C
3	A	33	D
4	A	34	C
5	D	35	B
6	D	36	D
7	B	37	B
8	D	38	D
9	A	39	A
10	A	40	B
11	B	41	B
12	B	42	C
13	D	43	B
14	B	44	D
15	D	45	A
16	A	46	B
17	B	47	C
18	B	48	A
19	B	49	A
20	A	50	D
21	C	51	B
22	A	52	A
23	C	53	A
24	C	54	B
25	D	55	D
26	B	56	B
27	D	57	D
28	D	58	B
29	A	59	D
30	D	60	A